

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: Wednesday, 8 March, 2017 3:13 PM
To: UUM - All Students; UUM - All Staff
Cc: Azhar B Anis Mohammad; Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin; Muhammad Husaini Bin Salleh
Subject: HEP ONLINE: 400 JAYAKAN LIGA PIALA TNC HEPA UUM



8 MAC 2017, RABU | 9 JAMADILAKHIR 1438H



Oleh: Juhaina Che Juhari
Gambar Oleh: Muhammad Zahin Harun

HEP ONLINE: Lebih 400 pelajar dan staf terlibat dalam menjayakan Kejohanan Bola Sepak dan Bola Jaring secara Liga Piala Timbalan Naib Canselor (TNC) Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Prof. Madya Dr. Abdul Malek Abdul Karim yang bermula 28 Februari lalu hingga 19 Mei nanti.

Kejohanan yang disertai oleh pelajar dari 14 Inapan Siswa (Inasis) ini bertanding secara liga untuk merebut Piala TNC HEPA UUM dalam dua kategori yang dipertandingkan iaitu bola sepak dan bola jaring.

Dr. Abdul Malek ketika meninjau kejohanan itu berkata, semangat kesukanan yang ditunjukkan oleh mahasiswa yang menyertai pertandingan ini memberi isyarat supaya lebih banyak pertandingan lain dianjurkan antaranya futsal, badminton dan lain-lain lagi.

“Saya berpuas hati dengan pihak Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) yang menyelenggarakan kejohanan yang dianjurkan oleh Unit Sukan Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) ini”, katanya selepas meninjau pertandingan yang sedang berlangsung di Padang Kompleks Sukan Universiti ini.

Turut mengiringi beliau Pengarah HEP Dr. Mohd Dino Khairri Shariffudin dan Pengetua-pengetua Inasis.

UNIT PENERBITAN, MEDIA DAN PENYELIDIKAN

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA, 06010 UUM SINTOK, KEDAH

Website: www.hep.uum.edu.my | Emel: hep@uum.edu.my | Facebook: <https://www.facebook.com/hep.uum>



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.